

# Budayakan inovasi dan kreativiti

LABUAN: Budaya kerja berasaskan inovasi dan kreativiti merupakan agenda kerajaan di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi aspirasi rakyat.

Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Azman Sipan berkata kerajaan telah merangka pelan dan strategi untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada tahun 2017.

Katanya tugas semua kakitangan Jabatan Penerangan Labuan ialah membudayakan elemen inovasi dan kreativiti di dalam kerja seharian.

“Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Labuan perlu menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai budaya seharian ketika menjalankan tugas yang diamanahkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Hari Inovasi dan Kualiti serta Apresiasi Media yang diadakan di sebuah hotel, di sini, baru-baru ini.

Azman menyeru kepada semua staf Jabatan Penerangan Labuan yang berjumlah 15 orang untuk membudayakan inovasi dan kreativiti dalam tugas

seharian mereka.

Katanya sambutan Hari Inovasi dan Kreativiti yang diadakan pada setiap tahun itu merupakan usaha kerajaan untuk mengiktiraf penjawat awam yang berjaya menghasilkan inovasi dan kreativiti dalam pekerjaan mereka.

Beliau yang menggantikan tempat mantan Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Matteri Marusin berharap semua warga Jabatan Penerangan Labuan akan melipatgandakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk menyebarkan maklumat yang sahih, tepat dan terkini kepada orang ramai terutama yang berkaitan dengan dasar dan program anjuran kerajaan.

Dalam majlis itu, kesemua staf Jabatan Penerangan Labuan mendapat anugerah mereka masing-masing atas pencapaian KPI mereka pada tahun ini.

Sementara itu, pihak Jabatan Penerangan Labuan turut mengiktiraf sumbangan dan kerjasama daripada pihak media Labuan di dalam setiap program yang dilaksanakan oleh jabatan itu, terutamanya ketika membuat liputan untuk menyampaikan mesej kepada rakyat.



**AZMAN (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Jainudin sambil diperhatikan Aziz (kiri).**

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Abdul Aziz Salleh dan Pengerusi Persatuan Penggiat Media Labuan Jainuddin Djimin.

Sementara itu, Jainudin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penerangan Labuan yang sentiasa berganding rapat dalam menjayakan pelbagai program khususnya yang membabitkan Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli di Wilayah Persekutuan Labuan sepanjang tahun lalu.